AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : HATI

ANCAMAN UBAT TIRUAN

Dianggarkan 10 peratus produk penawar palsu kini menguasai pasaran dunia

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@hmetro.com.my



PENULIS buku The Journey and Beyond, Martin Bradley menandatangani pelancaran buku berkenaan disaksikan Chong (tengah) dan Pengarah Kumpulan Caring, Ang Khoon Lim (kanan).

Penjualan ubat-ubatan tiruan tetapi menggunakan jenama tulen di pasaran memang tidak asing lagi di negara ini, malah perhatian khusus perlu diberikan terhadap ancaman ubat-ubatan palsu dan tidak bermutu itu. Kerajaan dan sektor awam khususnya perlu meneliti masalah ini dengan lebih aktif.

Terdapat banyak ubat-ubatan palsu di pasaran yang jelas tidak bermutu, mengandungi bahan berbahaya dan label dipalsukan yang boleh membahayakan nyawa pengguna. Pasaran ubat-ubatan palsu adalah bahaya sebenar, jelas dan wujud dalam kesihatan awam.

Menurut data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dianggarkan 10 peratus produk ubat-ubatan palsu kini menguasai pasaran seluruh dunia.

Katanya, senario itu berpunca daripada sikap pengguna yang gemar membeli produk murah sehingga meningkatkan penawaran produk berkenaan di pasaran.

Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Mazlan Ismail berkata, bagi membendung penjualan ubat palsu atau tidak berdaftar daripada terus berleluasa, pelbagai langkah dijalankan termasuk kempen pendidikan kepada pengguna.

Katanya, kebanyakan ubat berkenaan biasanya mengandungi sukatan bahan kimia berlebihan dos, sekali gus boleh menjejaskan kesihatan pengguna.

"Ubat palsu ini wujud kerana peniaga haram mahu mengaut keuntungan berdasarkan keyakinan pengguna terhadap ubat tulen yang sudah teruji keberkesanannya.

"Mungkin disebabkan harga yang terlalu murah menyebabkan pengguna terpedaya dan akhirnya memberi kesan buruk terhadap kesihatan mereka. Sebab itu pengguna perlu mengenal pasti sama ada ubat-ubatan yang dibeli tulen atau tidak dengan membuat semakan nombor pendaftaran KKM dan pelbagai ciri lain di laman web Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM," katanya pada majlis pelancaran kempen Pilih Ubatan Tulen anjuran Caring Pharmacy (Caring) dengan sokongan KKM dan Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), baru baru ini.

Beliau menegaskan, produk palsu boleh menyebabkan kematian kerana ia berkemungkinan tinggi mengandungi bahan berbahaya seperti merkuri, arsenik, kadmium atau plumbum.

Bahan ini boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang dan membawa maut. Tambahan pula, produk berkenaan mungkin dihasilkan di premis tidak berlesen yang tidak menyediakan persekitaran yang bersih seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Semua produk farmaseutikal di Malaysia perlu berdaftar dengan KKM sebelum dipasarkan kepada pengguna. Produk berdaftar mempunyai dua ciri iaitu nombor pendaftaran (contoh MA-L20085264A) dan label hologram Meditag. Produk ini akan dinilai dari segi kualiti, keberkesanan dan keselamatannya untuk pengguna.

MAZLAN

Pengguna boleh menyemak status pendaftaran semua produk farmaseutikal di portal ini dengan klik ikon 'Semak Pendaftaran Produk'. Carian produk berdaftar boleh dibuat dengan menggunakan nama produk, nombor pendaftaran, nama pemegang pendaftaran, bahan aktif atau nama pengilang.

Jika produk berkenaan adalah produk berdaftar, status pendaftaran akan dipaparkan. Selepas memeriksa nombor pendaftaran, pengguna dinasihatkan untuk menyemak kesahihan label hologram melalui ahli farmasi di hospital, klinik atau premis farmasi berdekatan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Caring, Chong Yeow Siang berkata, komuniti farmasi kini memainkan peranan penting dalam mendidik orang ramai mengenai ubat-ubatan yang diambil. Akses kepada ubat-ubatan semakin lebih mudah, ada kemungkinan masyarakat mendapat ubat-ubatan palsu.

"Sejak penubuhan Caring 21 tahun lalu, farmasi ini sentiasa menekankan integriti dalam perkhidmatan farmasi kepada masyarakat. Kempen ini bertujuan mendidik masyarakat mengenai pentingnya memilih ubat-ubatan yang tulen daripada sumber yang mematuhi keperluan undang-undang sehingga ke penyimpanan yang betul sebelum penggunaan.

"Bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, peningkatan eksponen di komuniti farmasi di Malaysia menjadikan pasaran yang sangat kompetitif, menyebabkan strategi harga rendah dengan sedikit masa dan kos yang dilaburkan dalam meningkatkan profesion komuniti farmasi.

"Pengguna menjadi lebih 'berkira' terhadap harga berbanding memberi penekanan kepada perkhidmatan yang profesional daripada ahli farmasi, mengakibatkan 'ubat palsu lebih murah' yang disediakan sebagai tindak balas kepada permintaan pasaran," katanya.

Justeru, katanya, sebagai kumpulan farmasi terkemuka di Malaysia, Caring bertanggungjawab mendidik masyarakat untuk mengatakan tidak kepada ubat-ubatan palsu dan berwaspada terhadap produk substandard daripada sumber yang tidak dapat disahkan.

Mesej kempen itu akan digalakkan secara meluas dalam bentuk poster dan bahan pendidikan di semua cawangan Caring, laman web dan media sosial. Syarikat itu akan menyebarkan khidmat masyarakat ini secara berterusan melalui stesen radio tempatan untuk mewujudkan kesedaran awam.

MAZLAN (dua dari kiri) melancarkan poster kempen Pilih Ubatan Tulen bersama Chong (dua dari kanan).

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : SETEMPAT

FOTO: ZAMAN HURIISA

Jangan jual rokok bawah harga minimum

KKM beri amaran tindakan denda, penjara terhadap penjual ingkar arahan

Oleh Amir Abd Hamid, Iskandar Shah Mohamed dan Mohd Firdaus Ibrahim
am@hmetro.com.my
Putrajaya

"Mana-mana individu didapati tidak mematuhi harga minimum rokok mengikut Peraturan 8A (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau boleh didenda RM10,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan," itu amaran Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Chong Chee Keong ke atas mana-mana individu yang menjual rokok murah jenama tempatan pada harga ditetapkan kerajaan.

Menurutnya, anggota penguat kuasanya sentiasa memantau dan mengawasi mana-mana peniaga yang melanggar peraturan itu.

"Sepanjang tahun lalu, penguat kuasa KKM menjalankan serbuan terhadap 265 premis kerana menjual rokok jenama tempatan dengan harga bawah paras minimum dan RM132,000 kompaun dikenakan.

"Manakala sehingga tempoh enam bulan pertama tahun ini, pihaknya menyerbu 188 premis atas kesalahan sama membabitkan RM94,000 kompaun.

"Pemeriksaan berkala dan serbuan memang dibuat sepanjang masa," katanya ketika ditemui.

Dr Chong memberikan maklum balas berikutan laporan Harian Metro kelmarin menunjukkan terdapatnya rokok murah jenama tempatan dijual jauh di bawah harga minimum di pasaran di antara RM3.50 dan RM5.

> "Sepanjang tahun lalu, penguat kuasa KKM menjalankan serbuan terhadap 265 premis kerana menjual rokok jenama tempatan dengan harga bawah paras minimum dan RM132,000 kompaun dikenakan"
> *Dr Chong Chee Keong*

Harga minimum rokok ditetapkan RM9 untuk 20 batang pada 1 Ogos 2015 dan dinaikkan lagi RM10 pada 1 Ogos 2016. Dengan harga itu bermakna tiada rokok yang boleh dijual di bawah harga berkenaan.

Namun, berdasarkan pemerhatian dan tinjauan Harian Metro, terdapat lima jenama rokok tempatan dijual pada harga bawah paras minimum di banyak lokasi dan yang menjadi persoalan mengapa ia boleh dijual murah sedangkan berdasarkan duti eksais tembakau yang dinaikkan baru-baru ini, setiap batang rokok dikenakan duti eksais 40 sen. Jika 20 batang bermakna duti eksais tembakau dikenakan untuk sekotak ialah RM8.00.

MATRANG

Ini belum lagi mengambil kira lambakan rokok selundup di pasaran. Kenaikan duti eksais baru-baru ini juga dipercayai mendorong peningkatan permintaan terhadap rokok selundup ini.

Dr Chong berkata, implikasi lambakan rokok selundup di pasaran tempatan adalah isu berasingan yang mesti ditangani secara komprehensif.

"Terdapat banyak faktor lain (selain harga) yang boleh menyebabkan lambakan rokok selundup di pasaran, tidak wajar dikaitkan dengan kesalahan pelanggaran harga minimum rokok dan perlu ditangani secara berasingan," katanya.

Katanya, pelanggaran undang-undang harga minimum rokok oleh peruncit tidak bertanggungjawab membantutkan usaha Kementerian Kesihatan untuk mencapai sasaran menurunkan jumlah perokok di Malaysia.

"Jumlah perokok disasarkan turun kepada 15 peratus daripada jumlah seluruh rakyat Malaysia pada 2025 berbanding fakta dikumpul pada 2011 iaitu 23 peratus perokok.

"Perkiraan mudah, bermakna pada 2011 bagi setiap 100 rakyat Malaysia terdapat 23 daripadanya perokok dan sasaran KKM ialah hanya 15 perokok bagi setiap 100 orang pada 2025," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia (Penguatkuasaan) Datuk Matrang Suhaili berkata, berdasarkan rekod pihaknya, syarikat yang membuat dan mengeluarkan jenama rokok berkenaan memang membayar duti eksais kepada kerajaan.

Menurutnya, dia melakukan semakan dan rokok yang dikeluarkan itu memang dikenakan duti eksais.

Memperincikan lanjut, Matrang berkata, duti eksais hanya dikenakan ke atas barang siap sahaja seperti rokok.

"Duti eksais tidak dikenakan atas tembakau," katanya kepada Harian Metro, semalam.

ANGGOTA penguat kuasa kastam melakukan pemeriksaan di sebuah premis aksesori yang turut menjual rokok di bawah harga minimum.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

Kementerian Kesihatan siasat jururawat dipecat enggan pakai baju lengan pendek

Hospital swasta perlu ikuti syarat

GEORGE TOWN – Kementerian Kesihatan akan menjalankan siasatan menyeluruh berhubung dakwaan seorang jururawat diberhentikan kerja setelah dikatakan enggan mengenakan pakaian seragam berlengan pendek di sebuah hospital swasta.

HILMI

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, tindakan akan diambil sekiranya hospital terbabit didapati melanggar peraturan di bawah Bahagian Amalan Perubatan Swasta Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata, ketika ini semua hospital kerajaan mewajibkan jururawat beragama Islam menutup aurat dan arahan ini turut diguna pakai untuk hospital swasta.

NAZIAH bersama Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Nadzim Johan pada sidang akhbar di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"(Jururawat) hospital kerajaan semua tutup aurat kecuali dalam dewan bedah yang memerlukan doktor dan jururawat pakai lengan pendek. Namun mereka masih bertudung dan memakai gaun perubatan yang menutup aurat," kepada pemberita selepas Majlis Berkhatan Beramai-ramai anjuran UMNO Bahagian Jelutong melibatkan 45 kanak-kanak lelaki di sini semalam.

Pada Jumaat lepas, seorang jururawat di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur, Naziah Sauni Samat, 24, mendakwa, dia diberhentikan kerja setelah enggan mengenakan pakaian seragam berlengan pendek.

Dia mendakwa, arahan supaya mengenakan pakaian seragam itu dikeluarkan selepas dua bulan dia bertugas di hospital swasta tersebut sejak September lalu atas faktor kebersihan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : PRIME NEWS

Dr Abdul Rahim Abdullah *(right) visiting one of the* ***exhibition booths on World AIDS Day****, organised by Tuanku Ja'afar Hospital, at Palm Mall in Seremban yesterday.* **Pic by Wan Nur Amirah Wan Mohamed Redza**

Negri records 20 HIV cases monthly

SEREMBAN: Twenty new cases of HIV infection are recorded in Negri Sembilan every month.

State Health director Dr Abdul Rahim Abdullah said this was worrying and the main reason was drug addiction and promiscuity.

"Drug users account for about 73 per cent of the cases.

"However, there is concern about the spread of infection via heterosexuals as the number of women infected with HIV have increased enormously in recent years.

"Research shows that in 2006, more housewives were tested positive for HIV compared with sex workers.

"At the same time, the percentage of babies born with HIV also increased from 0.2 per cent in 1991 to 1.4 per cent in 2006.

"The number shows that those infected in the state is on the rise, especially in Port Dickson and Nilai.

"All parties need to play their part in meeting the target of zero HIV cases by 2020," he said after officiating the World AIDS Day organised by Tuanku Ja'afar Hospital at Palm Mall here yesterday.

Apart from the existing government hospitals, Dr Abdul Rahim said the department hoped to involve Klinik 1Malaysia to help HIV patients in their check-ups.

"We want to convey the message that the disease can be controlled through regular check-ups and taking medication.

"Other efforts being done include reducing the stigma against HIV patients. The public must understand that HIV carriers can lead normal lives if optimum treatment is given."

He added that people should eliminate discrimination against HIV carriers and encourage them to live normal lives.